

10/08/2002

Isu bahasa Inggeris masih jadi tumpuan

Teh Kean Kiat; Magendran Rajagopal

ISU penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) terus menjadi tumpuan utama semua akhbar berbahasa Cina sepanjang minggu lalu.

Rabu lalu, editorial China Press menyatakan kebimbangan terhadap isu bahasa Inggeris yang mungkin dipergunakan oleh sesetengah pihak untuk menghangatkan isu itu sehingga menyebabkan lebih banyak perselisihan faham dan pertengkaran jika ia tidak diselesaikan secepat mungkin.

Akhbar itu meminta kerajaan mengkaji pendapat semua pihak untuk mengelakkan isu itu menjadi semakin serius seperti isu Sekolah Wawasan.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn, dipetik Sin Chew Jit Poh, Selasa lalu, sebagai berkata MCA, parti politik dan pertubuhan pendidikan Cina akan mengadakan mesyuarat rasmi kedua dalam satu atau dua bulan ini untuk membincangkan isu bahasa Inggeris.

Beliau menegaskan tindakan sesetengah pihak menuduh mereka yang membantah penggunaan bahasa Inggeris bagi subjek Sains dan Matematik di SRJKC sebagai tidak taat kepada negara, adalah tidak rasional.

Katanya, ketaatan orang Cina terhadap negara ini tidak patut dipersoalkan kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pernah mengiktiraf pengorbanan yang dilakukan oleh kaum itu.

Selasa lalu pula, Presiden Gabungan Persatuan Guru-Guru Cina Malaysia (Jiao Zong), Ong Chiow Chuen, dilaporkan sebagai berkata pertubuhan Cina sedia memikul tanggungjawab jika prestasi murid SRJKC dalam subjek Sains dan Matematik kurang memuaskan berbanding prestasi sekolah kebangsaan.

Beliau mengesa pertubuhan Cina supaya tidak mengubah pendirian mereka untuk mengekalkan identiti SRJKC dan lembaga pengurus sekolah perlu terus diwujudkan.

Presiden Institut Fizik Malaysia, Profesor Chia Swee Ping, pula dipetik Sin Chew Jit Poh, Rabu lalu, sebagai berkata pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa ibunda adalah lebih berkesan kerana pembelajaran yang menggunakan terlalu banyak bahasa akan menjadikan tahap penguasaan pelajar lemah.

Beliau berkata, sekolah rendah adalah tempat pelajar mula mengukuhkan asas mereka dan penggunaan bahasa ibunda dapat memudahkan pelajar lebih memahami dan menguasai pembelajaran.

Katanya, Sains dan Matematik adalah mata pelajaran istimewa berbanding mata pelajaran Sastera dan Perdagangan yang memerlukan bahasa untuk menyampaikan isi kandungannya.

Beliau berkata, keistimewaan Sains dan Matematik ialah bahasa yang digunakan terhad dan ia boleh diajar dalam sebarang bahasa tetapi ia adalah penting dari segi pemahaman.

Sehubungan itu, katanya, penggunaan bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik bukan satu langkah baik dan ia perlu dikaji secara mendalam.

Menurutnya, jadual pendaraban matematik yang diajar dalam bahasa Cina adalah satu keistimewaan kerana ia senang dan cepat dihafal seperti $2 \times 2 = 4$ dan $2 \times 3 = 6$ yang dihafal sebagai 224 serta 236.

Beliau juga berpendapat buku teks yang digunakan oleh pelajar sekolah menengah dalam mata pelajaran Sains adalah kurang baik berbanding buku teks yang digunakan oleh negara lain.

Katanya, buku teks dan sumber tenaga pengajar Sains dan Matematik di negara ini tidak mencukupi dan ia adalah masalah yang serius.

Pada Selasa dan Rabu lalu, Kesatuan Guru-Guru Besar Sekolah Cina

Malaysia dipetik akhbar berbahasa Cina sebagai mencadangkan kerajaan supaya mewajibkan pelajar di semua jenis sekolah rendah mendapat sekurang-kurangnya C dalam bahasa Inggeris untuk ke tingkatan satu.

Menurutnya, pelajar yang gagal mencapai keputusan itu harus dimasukkan ke kelas peralihan supaya mereka boleh belajar lebih banyak asas sebelum naik ke tingkatan satu.

Pada masa sama, kesatuan itu dalam dua mesyuarat tergepar pada 24 Julai dan 2 Ogos lalu turut mencadangkan buku teks Sains dan Matematik di SRJKC menyenaraikan catatan bahasa Inggeris untuk nama khas yang biasa digunakan oleh kedua-dua mata pelajaran itu.

Sementara itu, kebimbangan pengajaran bahasa Tamil akan diabaikan menjadi punca segolongan rakyat berketurunan India masih sangsi dengan keputusan kerajaan mahu melaksanakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan.

Tamil Nesan, dalam editorialnya, meminta Kementerian Pendidikan memberi jaminan kukuh bahawa pengajaran bahasa Tamil akan diteruskan di semua sekolah yang mempunyai pelajar berketurunan India tanpa berdolak-dalik seperti yang dilakukan sebelum ini.

Lapor akhbar itu, hak mempelajari bahasa ibunda adalah sesuatu yang dijanjikan dalam Perlembagaan Persekutuan dan hak itu wajar dipenuhi kementerian berkenaan dengan melatih lebih ramai guru bahasa Tamil selain memperuntukkan tempoh tertentu bagi pengajarannya.

Editorial akhbar itu juga mendedahkan bahawa meskipun sebelum ini setiap sekolah yang mempunyai lebih 15 pelajar berketurunan India wajar disediakan guru bahasa Tamil, syarat itu jarang dipenuhi dengan alasan kekurangan tenaga pengajar.

Nesan juga memetik kenyataan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, sebagai berkata beliau sudah meminta Kementerian Pendidikan memberi jaminan supaya pengajaran bahasa Tamil tetap diberi keutamaan.

Malaysia Nanban pula melaporkan mengenai kekhawatiran ibu bapa terhadap penggunaan bahasa Inggeris yang mungkin menjejaskan prestasi pelajar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik kerana kurang petah dalam berbahasa Inggeris.

Akhbar itu memetik kenyataan presiden pro-tem Yayasan Penyelidikan dan Pembangunan Pendidikan Tamil Malaysia (MTERDF), Manogaran yang mempersoalkan keperluan kerajaan menukar bahasa pengantara bagi mata pelajaran tertentu.

Katanya, prestasi pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) sekarang dalam Sains dan Matematik lebih baik berbanding pelajar sekolah kebangsaan walaupun bahasa pengantara menggunakan bahasa Tamil.

Manogaran menegaskan bahawa masyarakat India memang menyambut baik hasrat kerajaan itu tetapi mahu cara pelaksanaannya dikaji semula supaya tidak menggugat kedudukan bahasa ibunda pelajar.

Akhbar yang sama, dalam editorialnya, melaporkan terdapat kira-kira 500 SJKT dengan anggaran 90,000 pelajar di seluruh negara, kebanyakannya di luar bandar atau kawasan perladangan, yang dibelenggu kemiskinan dan tindakan kerajaan memperkenalkan penggunaan bahasa Inggeris ini mungkin menjejaskan minat pelajar yang kurang petah bahasa itu hingga menghentikan persekolahan.

Dalam perkembangan lain, akhbar Tamil tempatan juga tidak ketinggalan melaporkan kemelut yang dihadapi Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia (AIMST) yang diarah menghentikan operasi sementara waktu kerana gagal mematuhi beberapa peraturan Lembaga Akreditasi Negara (LAN).

Nesan dan Nanban melaporkan bahawa masalah yang dihadapi tidak begitu serius dan AIMST dibenar meneruskan operasi selepas Pengerusinya, Datuk Dr K Ampikaipakan, dan Naib Canselor AIMST, Prof Dr V G Kumar Das, memberi penjelasan kepada pegawai LAN dan Jabatan Pendidikan Swasta (JPS).

